PSP bakal dinilai APACC

PERMATANG PAUH - Politeknik Seberang Perai (PSP) bakal melakar sejarahnya yang tersendiri apabila akan dinilai oleh Suruhanjaya Pensijilan dan Akreditasi Asia Pasifik (APACC) bermula 24 hingga 26 Mac ini.

ZULKIFLI

Pengarah PSP, Zulkifli Ariffin berkata, pasukan jemaah audit APACC adalah dari kalangan panel antarabangsa yang dilantik untuk menyemak semua kriteria dan kategori yang ditetapkan bagi kelayakan anugerah APACC ini.

"PSP berharap dengan pengiktirafan APACC ini bermakna politeknik Malaysia sudah mengorak langkah mencapai prestasi tinggi seperti yang digariskan dalam Plan Tranformasi Politeknik fasa 2 untuk melahirkan graduan yang bertaraf dunia.

"Sekiranya berjaya, ia adalah satu sejarah gemilang bagi PSP dan politeknik Malaysia amnya kerana APACC adalah anugerah antarabangsa yang berprestij di peringkat Asia Pasifik," katanya.

Selain PSP, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan; Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang dan Politeknik Kota Bharu, Kelantan akan turut dinilai.



KLiK pilihan

FORUM
Antara 1,000 jemaah yang hadir mendengar Forum Malam Pertama Di Alam

Emas APACC nilai tambah PSP

PERMATANG PAUH-Politeknik Seberang Perai (PSP) sekali lagi menempa kejayaan apabila berjaya merangkul pingat emas dalam penilaian Majlis Persijilan dan Akreditasi Asia Pasifik (APACC).

Pengarah PSP, Zulkifli Ariffin berkata, anugerah yang diperoleh ini secara tidak langsung memberi nilai tambah dalam pemasaran graduan PSP.

"Graduan akan berpeluang menceburi pelbagai sektor pekerjaan sehingga ke luar negara dengan peluang pekerjaan yang meluas dengan penganugerahan ini.

"PSP akan menjadi institusi pengajian tinggi teknikal bertaraf global dan berkualiti yang dikenali di persada dunia," katanya.

Penganugerahan pingat itu diadakan di Manila, Filipina, 23 Jun lalu.

Sinar 3/7/15 MS 47